



اتوریٹی کے بحفاظت کسلا مین
کھیتین دن عالم سکیتز
Safety, Health and Environment
National Authority

SESI MUZAKARAH SHENA BERSAMA PENGHULU- PENGHULU MUKIM DAN KETUA-KETUA KAMPONG DI DAERAH TUTONG DAN DAERAH BELAIT

**KHAMIS, 06HB FEBRUARI 2025
9:05 PAGI**

**UCAPAN DARIPADA
YANG MULIA SALMAYA RAHAYU BINTI SALLEH
PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK, SHENA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Mulia, Tuan Haji Muhsin bin Haji Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif, Autoriti Kebangsaan Keselamatan,
Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA)**

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia, Pegawai-Pegawai Daerah dari
Daerah Tutong dan Daerah Belait

Yang Mulia, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua
Kampong dari Daerah Tutong dan Daerah Belait

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
dan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam
Sekitar (SHENA)



اتوریٹی کے بحران کے سامنے
کھینچیں، دن عالم سکیتز
Safety, Health and Environment
National Authority

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu, mewakili pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), kami sukacita mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Pegawai-Pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampong di daerah Tutong dan daerah Belait untuk hadir ke majlis pada pagi ini.

Majlis yang diadakan pada hari ini adalah sebahagian daripadanya bertujuan untuk menyampaikan pendekatan kepada abiskita mengenai hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan di tempat kerja mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini. Secara khususnya pula, pihak SHENA percaya penglibatan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampong dalam memastikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami, dapat sama-sama direalisasikan.

Ini adalah kerana pihak SHENA mengkategorikan abiskita sebagai mempengaruhi (atau *influencer*) yang efektif untuk membimbing dan melindungi penduduk kampung dan sekitarnya khususnya, dan masyarakat secara amnya.



اتوریٹی کے بحران کے سامنے
کھینچیں، دن عالم سکیتز
Safety, Health and Environment
National Authority

Sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampong, pihak SHENA yakin abiskita dapat mempengaruhi komuniti di Kawasan atau zon abiskita yang mana terdapatnya aktiviti kerja seperti pengubahsuaian atau pembinaan sama ada di premis-premis persendirian atau premis-premis awam, untuk mengamalkan budaya keselamatan dan mematuhi perundangan keselamatan di tempat kerja.

Sebagai gambaran, sejak tahun 2013 sehingga tahun 2024, terdapat 79 kematian di tempat kerja di pelbagai sektor dan pada tahun 2024 sahaja, 3 kematian di sektor pembinaan telah direkodkan. Risiko kemalangan boleh dikurangi dan dicegah sekiranya aspek-aspek keselamatan dilaksanakan dengan teratur.

Dalam hal ini, pihak SHENA dengan Kerjasama pihak-pihak Kerajaan dan swasta yang berkepentingan terus berusaha melalui beberapa pendekatan dan kaedah untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

Justeru itu, sesi Muzakarah pada hari ini diungkapkan bersama di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan SHENA merupakan pendekatan “*Whole of Nation*”

Kepimpinan dan kewibawaan para penghulu dan ketua kampung akan membimbing penduduk dan masyarakat sekeliling untuk mengamalkan sikap yang lebih berwaspada dan



اوتوريتي كبحسائڻ كسلامتن
كصحيين دن عالمسكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

bertanggungjawab bukan sahaja dalam konteks di tempat kerja malah juga di dalam kehidupan seharian.

Dengan ini, SHENA juga beriltizam untuk terus bekerjasama dalam mengekalkan dan meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja dan melalui kerjasama yang teguh ini, kita akan dapat membina persekitaran yang selamat, sihat, dan sejahtera untuk seluruh penduduk di Negara ini.

Saya akhiri ucapan ini dengan

Wabillahi taufik wal hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TAMAT